

Penganut Hindu perlu patuh SOP sambut Thaipusam

NOR AZURA MD AMIN | | 16 Januari 2022



RAZARUDIN

JOHOR BAHRU - Polis Diraja Malaysia (PDRM) meminta penganut Hindu di negara ini mematuhi prosedur operasi standard (SOP) perayaan Thaipusam bagi mengekang penularan Covid-19.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Razarudin Husain, berkata SOP rasmi yang telah ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) harus menjadi panduan bagi memastikan perayaan Thaipusam selamat dan tidak menimbulkan kluster baharu.

"Berkenaan dengan perayaan Thaipusam, memang MKN sudah keluarkan SOP. Polis memang dalam keadaan bersiap sedia bagi memantau perayaan Thaipusam di seluruh negara.

"Ini bukan kali pertama, polis terlibat dalam memastikan perayaan Thaipusam di negara ini selamat dan tiada unsur jenayah. Cumanya kali ini kita terikat dengan SOP yang ketat bagi membendung penularan Covid-19," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Majlis Serah Terima Tugas Ketua Polis Johor dan Pengerusi Persatuan Keluarga Polis (Perkep) Kontinjen Johor, di sini, pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat dan Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Khaw Kok Chin.

Justeru, Razarudin mengingatkan penganut Hindu agar mematuhi SOP sekiranya tidak mahu berdepan tindakan tegas mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342).

"Berhubung jumlah anggota polis di setiap negeri yang diletakkan memantau perayaan Thaipusam, ia bergantung kepada Ketua Polis Negeri mengambil kira situasi perayaan di negeri masing-masing," katanya.